



KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



Telefon : 03-4047 6008
Faks : 03-4047 6108
Laman Web : www.ptpk.gov.my
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 (8)

Tarikh : 5 Ogos 2020

**Pengarah Eksekutif / Pengarah / Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK**

Salam Kemahiran,

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN DI DALAM SISTEM
PENGURUSAN PINJAMAN BAGI SEMUA SKIM PINJAMAN DAN
PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN YANG TELAH DILULUSKAN
OLEH PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) telah membuat penambahbaikan di dalam Sistem Pengurusan Pinjaman untuk membolehkan semua Penyedia Latihan (PL) Awam dan Swasta yang telah diluluskan pendaftaran PL dan program latihan kemahiran oleh Perbadanan ini untuk didaftarkan di dalam Sistem Pengurusan Pinjaman tersebut bagi semua skim pinjaman dan pembiayaan latihan kemahiran.

PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN DI DALAM SISTEM PENGURUSAN PINJAMAN BAGI SEMUA SKIM PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN YANG TELAH DILULUSKAN OLEH PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

3. Pendaftaran PL dan program latihan kemahiran ini bertujuan untuk memudahkan capaian maklumat dapat dilakukan dengan pantas dan membantu Perbadanan untuk mengawal selia semua PL yang telah diluluskan pendaftaran PL dan program latihan kemahiran dengan lebih cekap berbanding kaedah sebelum ini dijalankan secara manual bagi skim-skim yang tertentu.
4. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan untuk mendaftarkan dan mengemaskini maklumat PL dan program latihan kemahiran bagi skim pinjaman dan pembiayaan latihan kemahiran yang telah diluluskan oleh Perbadanan sebelum ini di dalam Sistem Pengurusan Pinjaman. Pendaftaran PL dan program latihan kemahiran perlu dikemaskini secara atas talian di dalam Sistem Pengurusan Pinjaman tersebut **sebelum atau pada 30 September 2020**. Untuk makluman YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan, semua PL yang diluluskan oleh Perbadanan selepas ini **DIWAJIBKAN** untuk berdaftar di dalam Sistem Pengurusan Pinjaman tersebut.
5. Sebarang pertanyaan, YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan boleh menghubungi Encik Syafry Noor bin Sabaruddin di alamat emel syafry@ptpk.gov.my atau Encik Zahrim bin Mohd Sarim di talian 03 4047 6180 / 6076 / 6080 / 6066 atau alamat e-mel zahrim@ptpk.gov.my untuk maklumat lanjut.
6. Segala perhatian dan kerjasama yang YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN DI DALAM SISTEM PENGURUSAN PINJAMAN BAGI SEMUA SKIM PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN YANG TELAH DILULUSKAN OLEH PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Dan Cabaran Budaya Norma Baharu"

Saya yang menjalankan amanah,



(MUSTAFA BIN ALI)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia

Salinan Kepada :

- i. Pengurus Besar (Operasi), PTPK